

BAB EMPAT

BAB EMPAT

PERLINDUNGAN BAGI MENANGANI ISU PENGANIAYAAN KANAK-KANAK DARI SUDUT PERUNDANGAN DI MALAYSIA – KAJIAN KHUSUS TENTANG AKTA KANAK-KANAK 2001

2

4.1 Pendahuluan

Akta Kanak-kanak 2001 diperkenalkan untuk menyatukan dan meminda undang-undang yang berhubungan dengan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya. Sebelum Akta ini diperkenalkan, isu penderaan kanak-kanak diperuntukkan di bawah Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 yang menggantikan Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1947. Namun begitu, penggubalan Akta Kanak-kanak 2001 telah memansuhkan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991. Akta ini telah diwartakan pada 1 Mac 2001 dan telah dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2002.

Oleh kerana Akta ini merupakan Akta mengenai kanak-kanak yang baru dikuatkuasakan, satu kajian khusus mengenainya wajar dilakukan. Seiring dengan itu juga, satu perbincangan tentang perkembangan mengenai penggubalan undang-undang sivil berkaitan penganiayaan kanak-kanak di Malaysia dipaparkan. Ia penting bagi mengkaji perkembangan isu penganiayaan kanak-kanak dari sudut perundangan di Malaysia. Ini semua dijelaskan di dalam Bab 4.

4.2 Sorotan Ringkas Perkembangan Mengenai Penggubalan Undang-undang Sivil Berkaitan Penganiayaan Kanak-kanak di Malaysia – Sebelum Akta Kanak-kanak 2001

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, bahawa undang-undang sivil pertama yang digubal yang menyentuh mengenai isu penganiayaan kanak-kanak ialah Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1947 (selepas ini AKKOM 1947). Peruntukan mengenai penganiayaan kanak-kanak di dalam Akta ini amat sedikit dan ringkas serta terhad kepada definisi kanak-kanak, definisi penganiayaan dan penalti bagi kesalahan tersebut.

Definisi “kanak-kanak” yang diberikan oleh Akta ini melalui seksyen 2 ialah mereka yang berumur di bawah 14 tahun. Mereka yang berumur 14 tahun ke atas dan kurang daripada 18 tahun pula dikenali sebagai “orang muda”. Definisi “penganiayaan” pula tidak dinyatakan dengan lengkap tetapi hanya menyebutnya sebagai meliputi:

- (a) kekerasan fizikal seperti yang zahir seperti lebam-lebam, patah tulang dan lain-lain kecederaan tubuh
- (b) mengabaikan, yang membayangkan kegagalan untuk memelihara kesihatan dan keselamatan kanak-kanak
- (c) meninggalkan dan mendedahkan

(d) perkosaan¹

Penalti bagi kesalahan berkenaan diperuntukkan di dalam seksyen 3(1)

AKKOM 1947 iaitu: :

"Jika mana-mana orang yang berumur lebih daripada 14 tahun, yang mana mempunyai hak penjagaan, kuasa atau tanggungjawab ke atas mana-mana kanak-kanak, atau mana-mana orang yang berumur lebih daripada 18 tahun, yang mana mempunyai hak penjagaan, kuasa atau tanggungjawab ke atas mana-mana orang muda, dengan sengaja menyerang, menyakiti, mengabaikan, meninggalkan atau mendedahkan kanak-kanak itu orang itu ... boleh dikenakan hukuman penjara untuk jangka masa tidak lebih daripada dua tahun atau denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau kedua-duanya sekali..."

Diperuntukkan juga bahawa seseorang itu mungkin akan disabitkan melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini tanpa melihat sama ada penyeksaan atau kerosakan terhadap kesihatan telah diarahkan oleh orang lain.² Selanjutnya, seseorang itu akan disabitkan dengan kesalahan tidak menghalang kematian terhadap kanak-kanak tersebut.³

Seksyen 4(1) seterusnya menyatakan peruntukan yang berkaitan dengan perlindungan terhadap kanak-kanak daripada menjadi pengemis. Ia menyatakan:

"Mana-mana orang yang mempunyai tanggungjawab ke atas mana-mana kanak-kanak ... membenarkan kanak-kanak tersebut untuk

¹ Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1947 (Pindaan 1987), sek. 2(1) (b).

² *Ibid.*, sek. 3(2).

³ *Ibid.*, sek. 3(3).

berada di mana-mana jalan, premis atau tempat dengan tujuan untuk mengemis boleh dikenakan hukuman penjara dalam tempoh tidak lebih daripada tiga bulan, atau denda tidak lebih daripada dua ratus lima puluh ringgit atau kedua-duanya sekali."

Dari sini dapat dilihat bahawa definisi "kanak-kanak" yang diperuntukkan di dalam Akta ini tidak kemas dan boleh menimbulkan kekeliruan bagi kes penganiayaan yang melibatkan seseorang yang berumur 14 tahun ke atas kerana golongan ini dikenali sebagai "orang muda", sedangkan hanya "kanak-kanak" sahaja yang dilindungi dalam kes penganiayaan. Definisi "penganiayaan" pula terlalu umum yang hanya meliputi kekerasan fizikal, pengabaian dan perkosaan tanpa menyentuh mengenai penganiayaan emosi dan lain-lain bentuk penganiayaan seks. Peruntukan ini juga hanya menekankan kepada perbuatan aniaya yang telah berlaku, tanpa melihat kepada perbuatan aniaya yang akan berlaku. Berkenaan dengan penalti pula ia terlalu ringan, yang hanya memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi RM2,000 bagi kesalahan menganiayai kanak-kanak dan penjara tidak melebihi tiga bulan atau denda tidak melebihi RM250 bagi kesalahan membenarkan kanak-kanak mengemis.

Menyedari akan kelemahan dan kekosongan yang banyak terdapat di dalam akta ini, ditambah pula dengan kes kematian adik K. Balasundram, dua tahun akibat penderaan pada 13 Mei 1990, kerajaan telah menggubal satu Akta baru yang dikenali sebagai Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 (selepas ini APKK 1991). Akta ini sekali gus telah memansuhkan AKKOM 1947.⁴

⁴ Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991, sek. 50.

Sememangnya APKK 1991 adalah lebih lengkap dan kemas berbanding dengan Akta sebelumnya. Ini jelas dilihat melalui definisi “kanak-kanak” yang dijelaskan sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun. Takrif “penganiayaan” yang diperuntukkan di dalam Akta ini juga lebih lengkap dan luas, yang mana ia mencakupi penganiayaan fizikal, emosi, seksual dan pengabaian. Penerangan bagi setiap jenis penganiayaan juga diberi dengan jelas sepertimana yang dinyatakan di dalam seksyen 3(a), (b), (c) dan 2(d).⁵ Penalti yang dikenakan bagi kesalahan menganiaya kanak-kanak pula adalah lebih berat yang memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi lima tahun atau denda tidak melebihi RM10,000⁶ dan bagi kesalahan membenarkan kanak-kanak mengemis hukumannya ialah penjara tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi RM5,000.⁷

Di samping itu, terdapat banyak lagi peruntukan bagi membendung kes penganiayaan kanak-kanak seperti, memberi takrif kepada “seseorang kanak-kanak yang memerlukan perlindungan”⁸, peruntukan mengenai jagaan sementara serta pemeriksaan dan rawatan perubatan,⁹ kewajipan pengamal perubatan,¹⁰ pemerdagangan kanak-kanak,¹¹ kuasa untuk menggeledah premis,¹² kuasa untuk menangkap tanpa waran,¹³ perlindungan bagi pemberi maklumat¹⁴ dan banyak lagi.

⁵ Peruntukan-peruntukan tersebut adalah sama dengan yang terdapat di dalam Akta Kanak-kanak 2001, sek. 17(2) (a), (b), (c) dan sek. 17(1) (d).

⁶ Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991, (Akta 468), sek. 26(1).

⁷ *Ibid.*, sek. 27.

⁸ *Ibid.*, sek. 2.

⁹ *Ibid.*, sek. 13 – 18.

¹⁰ *Ibid.*, sek. 19.

¹¹ *Ibid.*, sek. 33.

¹² *Ibid.*, sek. 38.

¹³ *Ibid.*, sek. 43.

¹⁴ *Ibid.*, sek. 46.

Walaupun peruntukan-peruntukan yang ada di dalam APKK 1991 lebih lengkap dan kemas daripada yang terdapat di dalam AKKOM 1947, masih wujud beberapa kelemahan yang dapat dikesan selepas ia dikuatkuasakan. Ini ditambah pula dengan masalah pertindanan peruntukan di antara Akta ini dengan beberapa Akta lain, yang jelas menampakkan ketidakseragaman dan ketidakkemasan undang-undang yang berkaitan dengan kanak-kanak. Oleh yang demikian itu, Akta Kanak-kanak 2001 telah digubal bagi mengatasi masalah-masalah di atas dan pada masa yang sama telah memansuhkan APKK 1991.

4.3 Akta Kanak-kanak 2001

Akta Kanak-kanak 2001 (selepas ini AKK 2001) ialah suatu Akta yang digubal khas bagi menjaga kepentingan kanak-kanak. Akta ini ialah hasil gabungan daripada tiga Akta lama iaitu Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991, Akta Mahkamah Juvana 1947 dan Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973. Setelah Akta Kanak-kanak ini mula dikuatkuasakan, maka ketiga-tiga Akta di atas telah termansuh dengan sendirinya.¹⁵

Tujuan utama Akta ini digubal adalah untuk menyelaraskan semua undang-undang yang berkaitan dengan kanak-kanak di dalam satu Akta, tanpa mewujudkan kekeliruan kepada pengamal dan pelaksana undang-undang khasnya dan kepada masyarakat amnya. Ini kerana, sebelum ini berlaku banyak pertindanan undang-undang berkaitan dengan kanak-kanak di dalam beberapa Akta yang berbeza.

¹⁵ Akta Kanak-kanak 2001, (Akta 611), sek. 130.

Mukadimah Akta ini membentangkan enam kenyataan dasar, termasuk mengiktiraf bahawa seseorang kanak-kanak bukan sahaja merupakan kunci kehidupan, pembangunan dan kemakmuran masyarakat itu; mengakui bahawa seseorang kanak-kanak, oleh sebab ketidakmatangannya dari segi fizikal, mental dan emosinya, memerlukan perlindungan, pemeliharaan dan bantuan khas, selepas kelahiran, untuk membolehkannya turut serta dalam dan menyumbang secara positif ke arah membentuk suatu masyarakat Malaysia madani yang unggul; mengiktiraf bahawa tiap-tiap kanak-kanak berhak untuk mendapatkan perlindungan dan bantuan dalam segala hal tanpa mengira apa-apa jenis perbezaan; mengakui bahawa keluarga merupakan kumpulan asas dalam masyarakat yang menyediakan suasana semula jadi bagi pembesaran, penyaraan dan kebajikan semua anggotanya; dan mengiktiraf peranan dan tanggungjawab keluarga dalam masyarakat.

Dalam Akta ini terdapat banyak perlindungan terhadap kanak-kanak khususnya yang membabitkan penganiayaan telah diperuntukkan. Antaranya ialah:

1. Kanak-kanak yang Memerlukan Pemeliharaan dan Perlindungan

Definisi “kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan” telah dinyatakan di bawah seksyen 17(1) AKK 2001, di mana ia tersebut memperuntukkan bahawa seseorang kanak-kanak itu memerlukan pemulihan dan perlindungan jika:

- (a) kanak-kanak itu telah atau besar kemungkinan akan dcederakan dari segi fizikal, emosi atau seks oleh ibu atau bapa, penjaga atau seseorang anggota keluarga luasnya (extended family);
- (b) ibu atau bapa atau penjaga telah tidak melindungi atau tidak mungkin akan melindungi kanak-kanak itu daripada penganiayaan sedemikian;
- (c) mereka tidak layak, telah abai atau tidak berupaya untuk mengawal kanak-kanak itu daripada terlibat dalam pergaulan yang tidak sihat;
- (d) mereka telah abai untuk mengadakan pemeliharaan, makanan, pakaian dan tempat berteduh yang mencukupi untuk kanak-kanak itu;
- (e) kanak-kanak itu telah dibuang oleh ibu atau bapa atau penjaganya;
- (f) ibu atau bapa atau penjaga abai atau enggan mendapatkan rawatan bagi kanak-kanak tersebut;
- (g) mereka tidak berupaya mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memperbaiki kelakuan kanak-kanak itu yang mungkin memudaratkan dirinya atau orang lain;
- (h) kanak-kanak itu mengalami kecederaan emosi akibat pertelingkahan antara dia dengan ibu atau bapa atau penjaganya atau antara ibu dan bapa atau penjaga-penjaganya,
- (i) kanak-kanak itu dibenarkan berada di mana-mana jalan, premis atau tempat bagi maksud mengemis atau menjalankan penjaan yang menyalahi undang-undang, loteri haram, perjudian atau

aktiviti lain yang memudaratkan kesihatan dan kebajikan kanak-kanak itu.

2. Penganiayaan Fizikal, Emosi, Seksual dan Pengabaian

Dalam seksyen 17(2) pula diperuntukkan definisi tentang penganiayaan fizikal, emosi dan seksual terhadap kanak-kanak yang menyatakan:

(2) Bagi maksud Bahagian ini, seseorang kanak-kanak:

- (a) dcederakan dari segi fizikal jika ada kecederaan yang substansial dan boleh dilihat pada mana-mana bahagian tubuh kanak-kanak itu akibat penggunaan kekerasan atau agen yang bukan tidak sengaja kepada tubuh kanak-kanak itu yang didalilkan dengan, antara lain, laserasi, kontusi, lelasan, parut, patah atau kecederaan tulang yang lain, dislokasi, seliuh, pendarahan, pecah viskus, luka terbakar, melecur, hilang atau berubah kesedaran atau fungsi fisiologi atau gugur rambut atau gigi;*
- (b) dcederakan dari segi emosi jika ada gangguan yang substansial atau boleh dilihat pada fungsi mental atau emosi kanak-kanak itu yang didalilkan dengan, antara lain, kecelaruan mental atau tingkah laku, termasuk keresahan, kemurungan, penyendirian, kelangsangan atau perkembangan lambat;*
- (c) teraniaya dari segi seks jika dia telah mengambil bahagian, sama ada sebagai peserta atau pemerhati, dalam apa-apa aktiviti yang berunsur seks bagi maksud:*
 - (i) apa-apa bahan, fotograf, rakaman, filem, pita video atau persembahan yang berunsur pornografi, lucah atau sumbang; atau*
 - (ii) eksploitasi seks oleh mana-mana orang bagi memuaskan nafsu seks orang itu atau orang lain.*

Manakala maksud penganiayaan dalam bentuk pengabaian pula diambil secara rumusan daripada seksyen 17 (1) (c), (d), (f), (g) dan (k) sebagai kegagalan ibu bapa untuk memenuhi keperluan asas anak seperti pemberian makanan, pakaian, kediaman, rawatan perubatan, tidak memberi penyeliaan atau pengawalan anak daripada terlibat dengan kumpulan jahat atau bahaya moral dan tidak melindungi mereka daripada bahaya sehingga kanak-kanak terpaksa menjaga diri sendiri dan menjadi pengemis.

Dengan itu, barangsiapa yang melakukan mana-mana bentuk penganiayaan terhadap kanak-kanak, pasti tidak akan terlepas daripada tindakan undang-undang melalui akta ini.

3. Jagaan Sementara dan Pemeriksaan dan Rawatan Perubatan

Seksyen 18 memperuntukkan bahawa mana-mana Pelindung¹⁶ atau pegawai polis yang berpuas hati berpandukan alasan-alasan yang munasabah bahawa seseorang kanak-kanak itu memerlukan pemeliharaan dan perlindungan boleh mengambil kanak-kanak itu ke dalam jagaan sementara, dengan syarat pengambilan prosiding itu adalah wajar demi kepentingan kanak-kanak itu dan prosiding itu tidak akan diambil oleh orang lain.

¹⁶ Pelindung ertinya:

- (a) Ketua Pengarah;
- (b) Timbalan Ketua Pengarah;
- (c) Seorang Pengarah Bahagian bagi Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat;
- (d) Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri bagi setiap negeri;
- (e) Mana-mana Pegawai Kebajikan Masyarakat yang dilantik di bawah sek. 8.

Lihat: Akta Kanak-kanak 2001, sek. 2.

Seksyen 20 hingga 24 pula merupakan peruntukan mengenai pemeriksaan dan rawatan perubatan terhadap seseorang kanak-kanak yang berada di dalam jagaan sementara. Mana-mana kanak-kanak yang memerlukan pemeriksaan dan rawatan perubatan hendaklah dikemukakan ke hadapan seorang pegawai perubatan tanpa mengira sama ada dia berada di bawah jagaan sementara atau tidak.¹⁷

Seseorang pegawai perubatan yang dibawa ke hadapannya seseorang kanak-kanak yang dikemukakan di bawah subseksyen 20(1) atau (4) hendaklah menjalankan pemeriksaan ke atas kanak-kanak itu dan boleh dalam hal sedemikian melakukan apa-apa tatacara dan ujian yang perlu untuk mendiagnosis keadaan kanak-kanak itu serta memberikan apa-apa rawatan yang difikirkan perlu berikutan keputusan diagnosisnya itu.¹⁸ Sekiranya pegawai perubatan itu berpendapat bahawa kanak-kanak itu perlu dimasukkan ke hospital bagi maksud pemeliharaan atau rawatan perubatan, seseorang Pelindung atau pegawai polis boleh memberikan kebenaran.¹⁹

Dari segi kawalan ke atas kanak-kanak yang dimasukkan ke hospital di bawah seksyen 22, ia dipunyai oleh Ketua Pengarah yang mana bertanggungjawab bagi penyenggaraan kanak-kanak itu sama seperti yang dipunyai oleh orang yang menjaga sesuatu tempat selamat jika kanak-kanak

¹⁷ *Ibid.*, sek. 20.

¹⁸ *Ibid.*, sek. 21.

¹⁹ *Ibid.*, sek. 22.

itu telah diletakkan di tempat selamat itu.²⁰ Dalam memberikan kebenaran bagi rawatan perubatan, seorang Pelindung atau pegawai polis boleh memberikan kebenaran jika penyakit, kecederaan atau keadaan kanak-kanak itu ringan. Sebaliknya, jika penyakit atau kecederaan kanak-kanak itu serius, seorang Pelindung atau pegawai polis hendaklah memberitahu dengan serta-merta kepada ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu untuk mengizinkan rawatan sedemikian dibuat.²¹

4. Tanggungjawab untuk Memaklumkan

Kewajipan untuk memaklumkan apa-apa bentuk maklumat mengenai penganiayaan kanak-kanak kepada pihak berwajib dikategorikan kepada tiga pihak; pengamal perubatan, anggota keluarga dan pengasuh kanak-kanak. Kegagalan untuk memaklumkan perihal penganiayaan yang diketahui itu merupakan suatu perbuatan jenayah. Penalti yang keras diperuntukkan di dalam seksyen 27, 28 dan 29 yang mana hukumannya ialah denda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali bagi pengamal perubatan²² dan pengasuh kanak-kanak²³ yang disabitkan kesalahan. Bagi anggota keluarga²⁴ pula, apabila disabitkan boleh dilepaskan dengan bon atas syarat-syarat yang ditentukan oleh mahkamah. Hanya setelah ahli keluarga ini tidak mematuhi mana-mana

²⁰ *Ibid.*, sek. 23.

²¹ *Ibid.*, sek. 24.

²² *Ibid.*, sek. 27(2).

²³ *Ibid.*, sek. 29(2).

²⁴ *Ibid.*, sek. 28(2).

syarat yang telah ditetapkan di dalam bon berkenaan, barulah mereka boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.²⁵

5. Perlindungan Informer

Seksyen 116 merupakan peruntukan yang menjaga kebajikan atau melindungi mana-mana orang yang memberi maklumat mengenai penganiayaan kanak-kanak. Mereka ini tidak menanggung apa-apa liabiliti kerana fitnah atau selainnya berkenaan dengan pemberian maklumat itu. Jika terdapat apa-apa buku, rekod atau dokumen yang menjadi keterangan dalam apa-apa prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa-apa catatan mengenai nama informer atau yang mungkin menyebabkan informer itu diketahui, Mahkamah mempunyai hak untuk memerintahkan agar segala bahagian tersebut ditutup atau dipadamkan setakat yang perlu untuk melindungi identiti informer itu daripada diketahui. Seksyen ini terpakai bagi semua orang, termasuk mereka yang tergolong di dalam seksyen 27, 28 dan 29.²⁶

²⁵ *Ibid.*, sek. 28(3).

²⁶ Rujuk: *Ibid.*, sek. 116(1), (4) & (5).

6. Penyiasatan, Penangkapan, Penggeledahan dan Halangan

Seseorang Pelindung atau pegawai polis boleh menyiasat perlakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini yang mana kuasanya diperuntukkan di bawah seksyen 109(1).

Penangkapan tanpa waran oleh mana-mana pegawai polis pula boleh dilakukan terhadap sesiapa yang dipercayai telah atau cuba untuk melakukan, atau menggunakan atau membantu orang lain untuk melakukan atau menyubahati pelakuan, sesuatu kesalahan terhadap akta ini. Serentak dengan itu juga, pegawai polis tersebut boleh memeriksa badan orang yang ditangkap itu sebagaimana yang diperuntukkan di dalam seksyen 110(1). Mana-mana orang yang ditangkap di bawah subseksyen (1) di atas, hendaklah diperlakukan sebagaimana yang diperuntukkan oleh Kanun Tatacara Jenayah selepas penangkapan dibuat.²⁷

Penggeledahan terhadap sesuatu premis boleh dilakukan dengan waran atau tanpa waran. Penggeledahan dengan waran berlaku apabila seseorang Majistret pada hematnya mempercayai bahawa di mana-mana premis ada keterangan tentang seseorang kanak-kanak yang memerlukan perlindungan atau sedang dikurung dengan melanggar Akta ini, boleh mengeluarkan suatu

²⁷ Ibid., sek. 110(2).

waran geledah yang memberi kuasa kepada seseorang Pelindung atau pegawai polis untuk memasuki dan menggeledah premis itu.²⁸

Pengeledahan tanpa waran pula berlaku apabila seseorang Pelindung atau pegawai polis mempercayai dengan sebab yang munasabah bahawa oleh sebab kelengahan dalam memperoleh waran geledah akan menjejaskan penyiasatan atau matlamat kemasukan mungkin mengecewakan, boleh menjalankan kuasanya untuk menggeledah premis itu dengan cara sepenuhnya seolah-olah dia telah diberi waran untuk berbuat demikian.²⁹

Mana-mana orang yang menghalang atau enggan memberi Pelindung atau Pegawai Kebajikan Masyarakat memasuki mana-mana premis terbabit adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.³⁰

7. Kanak-kanak yang Memerlukan Perlindungan dengan Segera

Mana-mana kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dengan segera boleh atas permohonannya sendiri masuk ke suatu tempat perlindungan jika Pelindung berpuas hati bahawa kanak-kanak itu memerlukan

²⁸ *Ibid.*, sek. 111.

²⁹ *Ibid.*, sek. 112.

³⁰ *Ibid.*, sek. 115.

perlindungan tersebut.³¹ Seseorang kanak-kanak memerlukan perlindungan segera jika dipercayai dengan alasan yang munasabah bahawa:

- (a) kanak-kanak itu sedang diancam atau ditakut-takutkan bagi maksud pelacuran atau bagi maksud melakukan persetubuhan dengan seseorang lain atau bagi apa-apa maksud lucah;
- (b) kanak-kanak itu akan dikurung atau ditahan oleh seseorang lain dengan melanggar Bahagian VI³², Akta ini;
- (c) suatu kesalahan terhadap Bahagian VI sedang atau mungkin akan dilakukan berkenaan kanak-kanak itu; atau
- (d) jika kanak-kanak itu seorang perempuan, bahawa dia sedang mengandung anak luar nikah.³³

Peruntukan ini akan dapat menyelamatkan seseorang kanak-kanak yang sedang didera atau mungkin dipercayai akan didera. Peruntukan ini secara tidak langsung membentuk suatu usaha pencegahan dalam menangani masalah penderaan kanak-kanak.³⁴

³¹ *Ibid.*, sek. 41(1).

³² Bahagian VI Akta Kanak-kanak 2001 adalah bahagian yang membincangkan peruntukan-peruntukan mengenai "Kanak-kanak yang Memerlukan Pelindungan dan Pemulihan".

³³ Akta Kanak-kanak 2001, sek. 41(2).

³⁴ Zulazhar Tahir (2002), "Meninjau Isu Penderaan Kanak-kanak Dari Perspektif Akta Kanak-kanak 2001", Siti Zaharah Jamaluddin *et al.* (ed), *Siri Undang-undang Mimi Kamariah – Akta Kanak-kanak 2001*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, m.s. 95 – 96.

8. Kesalahan Berhubung dengan Kesihatan dan Kebajikan Kanak-kanak

Seksyen 31(1) memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang merupakan orang yang mempunyai pemeliharaan seseorang kanak-kanak:

(a) yang menganiayai, mengabaikan, membuang atau mendedahkan kanak-kanak itu dengan cara yang mungkin akan menyebabkannya mengalami kecederaan fizikal atau emosi atau yang menyebabkan atau membenarkannya dianiayai, diabaikan, dibuang atau didedahkan sedemikian; atau

(b) yang menganiayai dari seks kanak-kanak itu atau yang menyebabkan atau membenarkannya dianiayai sedemikian,

melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Dalam seksyen 31(4) pula memperuntukkan dengan jelas bahawa seseorang ibu atau bapa atau penjaga seseorang kanak-kanak hendaklah disifatkan telah mengabaikannya dengan cara yang mungkin akan menyebabkannya mengalami kecederaan fizikal atau emosi jika, dia tidak mengadakan makanan, pakaian, rawatan perubatan atau pergigian, penginapan atau pemeliharaan yang mencukupi bagi kanak-kanak itu, walaupun dia berupaya mengadakannya daripada sumber-sumbernya sendiri.

Mana-mana orang yang menyebabkan mana-mana kanak-kanak mengemis, menerima sedekah di mana-mana jalan, premis atau tempat pula adalah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 32 dan boleh didenda

tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Perbuatan membiarkan kanak-kanak tinggal tanpa pengawasan yang berpatutan oleh ibu atau bapa atau penjaga juga menjadi suatu kesalahan dan boleh didakwa di bawah seksyen 33 yang mana hukumannya adalah sama seperti di atas.

Akta ini juga memperuntukkan hukuman yang berat bagi kesalahan-kesalahan yang serius seperti melacurkan kanak-kanak yang terdapat di dalam seksyen 43. Barangsiapa yang melakukan kesalahan di bawah peruntukan ini boleh dikenakan denda sehingga RM50,000 atau penjara tidak lebih daripada 15 tahun dan sebat tidak lebih daripada enam sebatan.

9. Perdagangan dan Pemelarian Kanak-kanak

Seksyen 48(1) memperuntukkan bahawa barangsiapa yang mengambil bahagian dalam apa-apa transaksi yang tujuannya ialah untuk memindahkan atau memberikan, milikan, jagaan atau kawalan seorang kanak-kanak bagi apa-apa balasan berharga atau dengan kata lain untuk tujuan memperdagangkan kanak-kanak itu adalah melakukan suatu kesalahan. Hukumannya ialah denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Seksyen 49 pula menyatakan bahawa perbuatan membawa masuk seorang kanak-kanak ke dalam Malaysia melalui dakwaan palsu atau melalui cara perdayaan yang digunakan sama ada di dalam atau di luar Malaysia adalah suatu kesalahan yang mana hukumannya adalah sama seperti di atas jika sabit kesalahan.

10. Majlis Penyelaras bagi Perlindungan Kanak-kanak

Seksyen 3(1) adalah suatu peruntukan yang penting bagi menjaga kebajikan kanak-kanak yang mana memperuntukkan tentang penubuhan suatu Majlis yang dikenali sebagai 'Majlis Penyelaras bagi Perlindungan Kanak-kanak'. Di antara tanggungjawab yang perlu dimainkan oleh Majlis tersebut ialah:

- (a) bertanggungjawab bagi menasihati Menteri tentang segala aspek perlindungan kanak-kanak;
- (b) mereka bentuk suatu sistem pengurusan yang cekap dan berkesan di seluruh Malaysia yang menggabungkan saluran maklumat bagi melaporkan kes kanak-kanak yang memerlukan perlindungan;
- (c) mengesyorkan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditujukan khusus untuk memenuhi keperluan orang, kanak-kanak dan keluarga yang memerlukan perkhidmatan perlindungan kanak-kanak;
- (d) menyelaraskan pelbagai sumber mana-mana Jabatan Kerajaan yang terlibat dengan perlindungan kanak-kanak;

- (e) membangunkan program-program untuk mendidik orang ramai dalam pencegahan penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak;
- (f) memberikan nasihat tentang pengurusan, operasi dan amalan Pasukan Perlindungan Kanak-kanak di seluruh Malaysia;
- (g) memberikan nasihat tentang pembangunan program latihan bagi anggota Pasukan Perlindungan Kanak-kanak di seluruh Malaysia;
- (h) menyelesaikan apa-apa pertelingkahan yang mungkin berbangkit dalam Pasukan Perlindungan Kanak-kanak; dan
- (i) melaksanakan apa-apa fungsi lain yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.³⁵

Seksyen 7 pula memberi penerangan lanjut mengenai penubuhan “Pasukan Perlindungan Kanak-kanak”. Di dalamnya dinyatakan dengan jelas bahawa Majlis hendaklah menubuhkan di seluruh Malaysia kumpulan-kumpulan orang, setiap kumpulan dikenali sebagai “Pasukan Perlindungan Kanak-kanak”, bagi maksud menyelaraskan perkhidmatan-perkhidmatan setempat kepada keluarga-keluarga dan kanak-kanak jika kanak-kanak itu memerlukan atau disyaki memerlukan perlindungan.³⁶

Setiap pasukan tersebut hendaklah terdiri daripada seorang Pelindung yang dinamakan oleh Majlis atas nasihat Ketua Pengarah sebagai pengerusi,

³⁵ Akta Kanak-kanak 2001, sek. 3(2).

³⁶ *Ibid.*, sek. 7(1).

seorang pegawai perubatan dan seorang pegawai kanan polis.³⁷ Pembentukan Majlis Penyelaras ini penting dalam usaha menangani masalah penderaan atau pengabaian terhadap kanak-kanak secara berterusan.³⁸

Secara keseluruhannya, segala peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam APKK 1991 ada di dalam AKK 2001, cuma terdapat penambahan beberapa peruntukan pada bahagian-bahagian tertentu dan sedikit perincian bagi memperjelaskan lagi sesuatu peruntukan. Contohnya, di dalam seksyen 17(1) (a), (b) dan (c)³⁹ AKK 2001 telah memperluaskan skop pendera yang tidak hanya membabitkan penjaga kanak-kanak, bahkan ibu bapa dan mana-mana ahli keluarga luas kanak-kanak itu (*any member of the child's extended family*) juga dinyatakan dengan jelas. Berkaitan dengan kewajipan untuk membuat laporan, AKK 2001 telah menambah dua lagi golongan yang berkewajipan untuk membuat laporan selain daripada pegawai perubatan⁴⁰ iaitu ahli keluarga mangsa⁴¹ dan pengasuh kanak-kanak⁴².

Peruntukan mengenai kebenaran untuk dimasukkan ke hospital bagi kanak-kanak di bawah jagaan sementara⁴³ dan peruntukan mengenai kanak-kanak yang

³⁷ *Ibid.*, sek. 7(2).

³⁸ Zulazhar Tahir, *op.cit.*, m.s: 96.

³⁹ Peruntukan-peruntukan tersebut adalah sama dengan yang terdapat dalam Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991, sek. 2(a), (b) dan (c).

⁴⁰ Akta Kanak-kanak 2001, sek. 27. Peruntukan ini sama dengan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991, sek. 19.

⁴¹ Akta Kanak-kanak 2001, sek. 28.

⁴² *Ibid.*, sek. 29.

⁴³ *Ibid.*, sek. 22.

memerlukan perlindungan dengan segera⁴⁴ merupakan peruntukan baru yang tidak terdapat di dalam APKK 1991. Berkenaan dengan penalti bagi kesalahan menganiaya kanak-kanak pula, ia adalah lebih berat dengan denda tidak melebihi RM 20,000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun⁴⁵, berbanding dengan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun⁴⁶ sahaja sebelumnya. Hukuman bagi seseorang pegawai perubatan yang tidak membuat laporan juga adalah lebih berat dengan denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun⁴⁷ berbanding dengan hanya denda tidak melebihi RM1,000⁴⁸ sebelumnya.

Selain daripada apa yang dinyatakan di atas, terdapat beberapa lagi peruntukan-peruntukan yang ditambah di dalam AKK 2001 yang tidak terdapat di dalam APKK 1991, tetapi tidak begitu relevan dengan isu penganiayaan kanak-kanak. Dengan ini, dapatlah disimpulkan bahawa sehingga ke hari ini, AKK 2001 adalah merupakan Akta yang melindungi kebajikan kanak-kanak yang paling lengkap dan kemas di Malaysia.

4.4 Kesimpulan

Kewujudan Akta Kanak-kanak 2001 dilihat merupakan suatu usaha bagi memastikan kebajikan terhadap kanak-kanak terus terpelihara. Ini jelas dapat dilihat daripada pindaan-pindaan yang telah dibuat dan tidak diperuntukkan di dalam Akta

⁴⁴ *Ibid.*, sek. 41.

⁴⁵ *Ibid.*, sek. 31(1).

⁴⁶ Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991, sek. 26(1).

⁴⁷ Akta Kanak-kanak 2001, sek. 27(2).

⁴⁸ Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991, sek. 19(2).

Perlindungan Kanak-kanak 1991 sebelum ini. Melihat kepada perkembangan perundangan dalam menangani isu penganiayaan kanak-kanak pula, nyata menunjukkan bahawa badan perundangan negara ini sememangnya memandang isu ini dengan serius dan telah mengambil tindakan proaktif bagi membendungnya daripada terus berleluasa. Terbukti Akta Kanak-kanak 2001 merupakan undang-undang terbaik pernah digubal sehingga hari ini yang menjaga kepentingan kanak-kanak.